



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh :

**Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak,
No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Tarikh : 20 November 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Bertaraf Bumiputera dalam bidang berkaitan dan mempunyai lesen daripada Kementerian Dalam Negeri seperti di bawah:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG
LPHP.PK.SH. 17/2023	PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATAPI) DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN PERAKKU SERDANG, MUKIM SETIAWAN, DAERAH MANJUNG, PERAK DARUL RIDZUAN TEMPOH : 1 JANUARI 2024 – 30 JUN 2024 (6 BULAN)	220801

2. Taklimat berkenaan dengan sebutharga akan diadakan pada **30 November 2023 (Khamis)** di **Bilik Mesyuarat Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak** pada **jam 9.00 Pagi**. Bagi tujuan pembelian dokumen sebut harga, kehadiran pemilik syarikat adalah **DIWAJIBKAN** dan kehadiran wakil sahaja adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak, No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan mulai **30 November 2023 (Khamis)** sehingga **06 Disember 2023 (Rabu)** dari jam 8.30 pagi hingga 04.30 petang waktu pejabat. Senaskah dokumen sebut harga berharga **RM100.00**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai Sahaja**.

4. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** membawa Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil Kementerian Kewangan, Sijil Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang asal dan masih sah tempoh lakunya serta salinan fotostat (salinan tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen sebut harga.

5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri yang ditanda dengan **NOMBOR SEBUT HARGA** pada sudut atas sebelah kiri sampul dan di alamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak,
No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di alamat di atas sebelum tarikh tutup.

6. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **06 Disember 2023 (Rabu) jam 12.00 tengahari**. Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi no pejabat 05-5265588.

7. Pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana sebut harga yang dikemukakan melalui pos atau dihantar sendiri dengan tangan.



(MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN, P.M.P)
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak